

SISPAA **SISTEM PENGURUSAN
ADUAN AWAM**

HRMIS

UNIT PENGURUSAN **LAPORAN TAHUNAN 2016**



1. PENGENALAN

Unit ini diri daripada 6 bahagian iaitu Sumber Manusia, Pentadbiran, Latihan, Pengurusan Aset, HRMIS dan Pengurusan Kuarters & Asrama. Objektif utama program ini adalah untuk mempermudahkan dan menyokong pencapaian dasar dan objektif Hospital dengan memberi bantuan kepada program-program lain melalui penyediaan sistem perkhidmatan yang cekap dan berkesan dari segi pengurusan sumber manusia, pentadbiran, pengurusan maklumat, pembangunan kompetensi dan latihan .

2. AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia

Fungsi teras Bahagian Sumber Manusia merangkumi pelan strategik sumber manusia, perancangan sumber manusia jangka panjang, penyusunan struktur organisasi dan kajian perjawatan / skim – skim perkhidmatan, pengambilan, pusingan kerja, pengurusan prestasi, kemajuan kerjaya, pembangunan modal insan, pengurusan saran dan kemudahan, pengurusan psikologi dan kaunseling, pengurusan disiplin, pengiktirafan dan ganjaran kebajikan pekerja dan pelaksanaan modul dan submodul HRMIS dan urusetia mesyuarat – mesyuarat utama berkaitan dengan pengurusan sumber manusia.

Sumber Manusia berperanan melaksanakan fungsi pengurusan sumber manusia selaras dengan dasar yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Dalam melaksanakan fungsi – fungsi pengurusan sumber manusia, unit Sumber Manusia perlu kreatif dan inovatif untuk memenuhi keperluan organisasi dan ekspektasi *stakeholders*.

3. OBJEKTIF UNIT

Mewujudkan sebuah pengurusan yang cekap dan cemerlang dalam bidang pentadbiran pejabat dari segi penyediaan:

- Perkhidmatan yang bermutu, bersistem dan proaktif terhadap semua kakitangan hospital dan berdedikasi serta komited terhadap tugas dalam melaksanakan tugas harian serta menerapkan konsep-konsep berkualiti, penyayang dan mesra.

4. MISI

Mengamalkan prinsip-prinsip perkhidmatan yang berdedikasi, amanah dan sentiasa mengutamakan tugas yang diamanahkan di samping mewujudkan:

1. Persekitaran kerja yang bersih dan tersusun
2. Kakitangan yang terlatih dan berdisiplin
3. Memahami dan memenuhi keperluan pengurusan

5. PROFIL UNIT

Unit Sumber Manusia terdiri daripada :-

- (i) Perjawatan
- (ii) HRMIS (Human Resources Management Information System)
- (iii) Perkhidmatan

6. OBJEKTIF

Memberi 100% kepuasan perkhidmatan yang baik kepada pelanggan.

7. PERJAWATAN

Unit Sumber Manusia ini menguruskan hal-hal perjawatan bagi seluruh Hospital Sungai Siput. Ini termasuklah memastikan rekod – rekod perjawatan sentiasa dikemaskini dan menguruskan permohonan jawatan baru, tetap, sambilan dan kontrak.

7.1 Pembangunan Organisasi

Sehingga 31 Disember 2016, keseluruhan perjawatan di Hospital Sungai Siput berjumlah 268 jawatan yang terdiri daripada 27 jawatan Kumpulan Pengurusan Profesional dan 241 jawatan Kumpulan Sokongan seperti di Jadual di bawah :-

7.1.1 Pengurusan Personel

a) Urusan Pengambilan/Pertukaran Sementara/Pinjaman/Kontrak/Sambilan.

Sehingga 31 Disember 2016, tiada pelantikan jawatan baru.

b) Urusan Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen

Sejumlah **4** penyediaan dokumen bagi semua anggota Jabatan bagi tujuan pengesahan dalam perkhidmatan dan **15** dokumen pemberian taraf berpencen telah diproses sepanjang tahun 2016.

Maklumat mengenai pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen adalah seperti berikut:-

Pengesahan Dalam Perkhidmatan dan Pemberian Taraf Berpencen

BIL	KUMPULAN	PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	TARAF BERPENCEN	JUMLAH
1	Kumpulan Pengurusan Profesional	1	5	6
2	Kumpulan Sokongan	3	10	13
	JUMLAH	4	15	19

c) Urusan Penanggungan Kerja

Sebanyak **1** permohonan dari Kumpulan Pengurusan Profesional dan **6** permohonan dari Kumpulan Sokongan telah dihantar ke Jabatan Kesihatan Negeri Perak pada tahun 2016.

d) Urusan Penyediaan Kertas Pencen

Sejumlah 2 penyediaan kertas pencen telah disediakan pada tahun 2016.

BIL	JAWATAN JUMLAH	GRED	
1	Jururawat Masyarakat	U24	1
2	Pen. Peg. Perubatan	U32	1

7.2 Kemajuan Kerjaya

Pada tahun 2016, Unit Sumber Manusia telah melaksanakan sebanyak tiga puluh lima (35) urusan permohonan pemangkuhan dan kenaikan pangkat jawatan bagi Skim Perkhidmatan di Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut pecahan Skim Perkhidmatan seperti berikut:

URUSAN PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT

BIL	URUSAN PEMANGKUAN & KENAIKAN PANGKAT	BIL PEGAWAI
1.	Pegawai Perubatan Gred U48 ke U52	2
2.	Pegawai Perubatan Gred U44 ke U48	1
3.	Pegawai Perubatan Gred U41 ke U44	2
4.	Pegawai Farmasi Gred U41 ke U44	2
5.	Jururawat Gred U32 ke U36	5
6.	Penolong Pegawai Perubatan Gred U32 ke U36	2
7.	Penolong Pegawai Farmasi Gred U32(M) ke U32	1
8.	Penolong Pegawai Tadbir Gred U29 ke U32	1
9.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 ke N26	1
10.	Penyelia Asrama Gred N19 ke Gred N22	1

11. Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19 ke N22	1
12. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N19 ke Gred N22	1
13. Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 ke W22	2
14. Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 ke U14	10
15. Pemandu Kenderaan Gred H11 ke H14	3

JUMLAH

35

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010, Panduan Pengurusan Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam, pertimbangan kenaikan pangkat seseorang pegawai adalah berdasarkan merit. Dalam mempertimbangkan merit seseorang pegawai untuk kenaikan pangkat, Lembaga Kenaikan Pangkat hendaklah mengambil kira :

- Kecekapan dan prestasi kerja pegawai ;
- Kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai;
- Sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaianya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai; dan
- Kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada masyarakat dan Negara. Lembaga Kenaikan Pangkat juga boleh mengambil kira aspek lain yang difikirkannya relevan, antaranya ;
 - i. Kebolehan dan potensi pegawai dengan jawatan kenaikan pangkat yang dinilai melalui kaedah lain, contohnya temuduga, peperiksaan atau Pusat Penilaian;
 - ii. Criteria penilaian khas berkaitan dengan bidang kerja seperti kecemerlangan atau penyelidikan;
 - iii. Personaliti dan tingkahlaku yang baik dan berkebolehan mewujudkan perhubungan yang harmoni dengan semua pihak; atau
- Kesesuaian dan penerimaan ketua jabatan / Ketua Perkhidmatan.

Syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 tahun 2010 adalah ;

- i. Disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- iii. Diperaku oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
- iv. Bebas daripada hukuman tata tertib;
- v. Telah mengisytiharkan harta;
- vi. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- vii. Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan; dan
- viii. Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.

7.3 Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

Program HRMIS adalah merupakan satu program baru. Ia dirangka bagi menyediakan satu sistem maklumat sumber manusia yang fleksibel serta menyumbang kearah pewujudan persekitaran paperless bagi memenuhi keperluan pengurusan di pelbagai peringkat organisasi.

Sehingga 31 Disember 2016, beberapa program pemantapan modul dan submodul HRMIS yang sedia ada telah dilaksanakan iaitu Modul Pengurusan Rekod Peribadi dan Perisyntiharhan Harta, Data Perjawatan, Penamatan Perkhidmatan, Pengurusan Saraan, Faedah dan Ganjaran.

Selain itu, pencapaian prestasi Unit HRMIS adalah dipantau oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Perak dan Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu dengan menjadikannya sebagai salah satu criteria KPI KSU. Bagi tahun 2016, criteria berikut dijadikan penanda aras bagi pencapaian prestasi KPI HRMIS KSU iaitu :-


- Pelaksanaan Mesyuarat HRMIS
- Pengemaskinian Maklumat Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan
- Pengemaskinian Maklumat Perjawatan
- Perisyntiharhan Harta

Sehingga 31 Disember 2016, kemasukan data perjawatan dan data jawatan yang diisi dalam HRMIS masing – masing mencapai 100% dan 99.00%. Pencapaian kemasukan data bagi tahun 2016 ditunjukkan seperti jadual berikut:-

PENCAPAIAN KEMASUKAN DATA, 2016

Data / Tahun	Disember 2016
Data Perjawatan	100.00%
Data Jawatan Diisi	99.50%
Profil Perkhidmatan	99.50%
Rekod Peribadi	100.00%

STATUS TERKINI DATA PERJAWATAN HOSPITAL SUNGAI SIPUT DALAM APLIKASI HRMIS (SEHINGGA 31 DISEMBER 2016)




Mekanisme penyelarasan HRMIS di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Perak adalah seperti berikut :-

- Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS sekali setahun
- Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana HRMIS tiga kali setahun
- Program Minggu HRMIS
- Sesi Bertemu Pelanggan HRMIS
- Sesi Bertemu Pemilik Kompetensi Tegar

	BILANGAN PERJAWATAN	BILANGAN JAWATAN DIISI	BILANGAN KEKOSONGAN
█ ABM 2016	283	268	15
█ HRMIS	283	268	15

Pada tahun 2016, Submodul Perisyntiharhan Harta dan Submodul Penamatan Perkhidmatan telah dilaksanakan di Hospital Sungai Siput. Pada tahun 2016 juga 6 orang anggota yang bersara telah berjaya dihantar melalui system Power JPA dan HRMIS yang perlu dilakukan 6 bulan sebelum bersara.

PERJAWATAN HRMIS



8. LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)

Bagi tahun 2016, penggunaan LNPT menggunakan sistem HRMIS seperti berikut:


a) Pelaksanaan Penilaian LNPT Melalui HRMIS

LNPT 2016	P&P	SOKONGAN		JUMLAH
		I	II	
HRMIS	28	160	81	269

Pencapaian prestasi pegawai di HSS berdasarkan penilaian LNPT tahun 2016 yang dilaksanakan pada tahun 2016 juga menunjukkan peningkatan prestasi pegawai di mana berdasarkan pembahagian julat markah penilaian LNPT Tahun 2016 seramai < 49.99% adalah 0 pegawai, 50 - 59.99% seramai 0 orang, 60% - 69.99% seramai 0 orang, 70% - 79.99% seramai 9 orang, 80% - 84.99% seramai 30 orang, 85% - 89.99% seramai 174 orang dan 90% - 100% seramai 56 orang.

KUMPULAN	< 49.99 %	50% - 59.99 %	60% - 69.99 %	70% - 79.99 %	80% - 84.99 %	85% - 89.99 %	90% - 100 %	JUMLAH
P&P	0	0	0	0	0	13	15	28
SOKONGAN I	0	0	0	2	17	104	37	160
SOKONGAN II	0	0	0	7	13	57	4	81
JUMLAH	0	0	0	9	30	174	56	269

MARKAH LNPT PEGAWAI HSS MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN



GRAF MARKAH LNPT PEGAWAI HSS MENGIKUT KUMPULAN PERKHIDMATAN

8.1 Panel Pembangunan Sumber Manusia

Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) HSS telah diadakan pada 15 Disember 2016 dan mesyuarat PPSM Jabatan Kesihatan Negeri Perak diadakan pada 6 Februari 2017 dimana akan meluluskan beberapa perkara seperti berikut :

- i. Pemberian Pergerakan gaji Tahun 2017;
- ii. Pemberian Anjakan Gaji Tahun 2017;
- iii. Pencalonan Pingat Perkhidmatan Cemerlang; dan
- iv. Pemilihan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2016.

Pada tahun 2016, seramai 269 yang telah melaksanakan LNPT masing – masing akan menerima kenaikan gaji tahun 2017.


Bagi tahun 2017 juga seramai 21 orang pegawai akan dipilih oleh PPSM untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2016. Daripada jumlah tersebut 2 orang pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 13 orang pegawai dari Kumpulan Sokongan I dan 6 orang daripada pegawai Kumpulan Sokongan II.

KUMPULAN	BILANGAN CALON APC
P & P	2
SOKONGAN I	13
SOKONGAN II	6

8.2 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Pada tahun 2017, seperti biasa Majlis Anugerah Pekhidmatan Cemerlang (APC) 2016 akan diadakan di Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sultan Azlan Shah Ulu Kinta.

BILANGAN CALON APC MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2016



9. LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) berperanan memberi latihan kepada kakitangan hospital melalui program/kursus Latihan Dalam Perkhidmatan. Unit Latihan telah dipertanggungjawabkan untuk melakukan peningkatan kemahiran anggota hospital. Unit LDP Hospital Sungai Siput merancang dan mengendali kursus-kursus untuk Kumpulan P&P, anggota paramedik, staf sokongan. Diharap perkongsian ilmu dan pengetahuan dapat meningkatkan kemahiran di kalangan anggota hospital ini.

Pada tahun 2016 Unit Latihan mengendalikan Kursus Orientasi bagi anggota baru yang bertukar masuk dan lantikan baru tentang tatacara dan prosedur yang digunakan oleh Hospital Sungai Siput dalam pengurusan. Tujuan pendedahan ini adalah :

- Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota serta mendedahkan peserta-peserta kursus kepada perkembangan-perkembangan semasa yang berkaitan dengan tugas sehari-hari.
- Melengkapkan peserta-peserta kursus dengan pendekatan terkini, kemahiran berfikir dan kemahiran menjalankan tugas dan mutu profesionalisma sebagai seorang kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia.

9.1 TAKWIM LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

9.2 Program Latihan

Memastikan anggota hospital memiliki kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan, bahagian latihan menawarkan pelbagai latihan. Ini termasuk kursus dalam perkhidmatan iaitu Kursus Pos Basik, Kursus Orientasi, latihan semasa bekerja dan program mentoring / coaching .

PERANCANGAN LDP TAHUN 2016

Bil	Nama Kursus / Bengkel/ Seminar/ Latihan Sangkutan	Tempoh Kursus	Tarikh / Tempat Kursus	Penganjur	Kategori				Bilangan Sebenar Yang Akan Hadir
					Skim Perkhidmatan / Kategori Pegawai	P&P	Paramedik	Lain	

UNIT PENGURUSAN DENGAN KERJASAMA UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

1	Kursus Orientasi Tahun 2016 Siri 1	2 hari	10-11/3/16 Dewan CME Hospital SgSiput	Unit Pengurusan	Peg Perubatan/Peg Farmasi/Peg Sains/Paramedik/Sokongan I &II	2	10	18	30
2	Kursus Orientasi Tahun 2016 Siri 2	2 hari	16-17/11/16 Dewan CME Hospital SgSiput	Unit Pengurusan	Peg Perubatan/Peg Farmasi/Peg Sains/Paramedik/Sokongan I &II	4	10	6	20
3	Kursus Pengukuhan Integriti	1 hari	24/3/16 Dewan CME, HSS	Unit Pengurusan	Peg Perubatan/Peg Farmasi/Peg Sains/Paramedik/Sokongan I &II	2	10	18	30

UNIT FARMASI DAN BEKALAN

4	Kursus Keselamatan Pengubatan Siri 1	1 Hari	29/3/16 Dewan CME Hospital Sg.Siput	Unit Farmasi Dan Bekalan	Pelbagai Kategori	10	15	5	30
5	Kursus Amalan Penggunaan Ubat Di Hospital	1 Hari	28/6/16 Dewan CME Hospital Sungai Siput	Unit Farmasi Dan Bekalan	Pelbagai Kategori	6	24	20	50
6	Kursus Keselamatan Pengubatan Siri 2	1 Hari	10/10/16 Dewan CME Hospital Sungai Siput	Unit Farmasi Dan Bekalan	Pelbagai Kategori	10	15	5	30

UNIT KECEMASAN DAN TRAUMA									
7	Kursus Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan	1 hari	19/5/2016 Dewan CME Hospital Sungai Siput	Unit Kecemasan dan Trauma	Pelbagai Kategori	5	10	35	50
8	Kursus Cpr Bil 1 2016	1 hari	25/5/16 Dewan CME Hospital Sungai Siput	Unit Kecemasan dan Trauma	Pelbagai Kategori	2	15	13	30
9	Kursus Pengurusan Bencana Peringkat Hospital Sungai Siput	1 hari	26/7/16 Dewan CME Hosp. Sg. Siput	Unit Kecemasan dan Trauma	Pelbagai Kategori	5	10	25	40
10	SOP Kecemasan Bagi Penolong Pegawai Perubatan	1 hari	7/2016 Hospital Sungai Siput	Unit Kecemasan dan Trauma	Pelbagai Kategori		17	0	17
11	Malaysian Trauma Life Support (MLTS)	1 hari	8/2016 (1 Hari) Hospital Raja Permaisuri Bainun	Unit Kecemasan dan Trauma	Pelbagai Kategori		0	4	4
12	Kursus Pemanduan Berhemah	1 hari	8/2016 (1 Hari) Hospital Sg. Siput	Unit Kecemasan & Trauma	Pelbagai Kategori		0	16	16
13	Kursus Advanced Cardiac Life Support	1 hari	9/2016 (2 Hari) Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh				2	2	4
UNIT KEJURURAWATAN									
14	Kursus Kawalan Infeksi Bil 1/2016	1 hari	16/3/16 CME Hospital SgSiput	Unit Kejururawatan Hospital Sungai Siput	Peg Perubatan/ Peg Farmasi/ Peg Sains/Paramedik/Sokongan I &II	0	30	10	40
15	Kursus Kawalan Infeksi Bil 2/2016	1 hari	17/8/16 Dewan CME Hospital Sungai Siput	Unit Kejururawatan Hospital Sungai Siput	Peg Perubatan/ Peg Farmasi/ Peg Sains/ Paramedik/ Sokongan	2	18	20	40
16	Kursus Budaya Korporat	2 hari	27-28/4/16 Dewan CME Hospital Sungai Siput	Unit Kejururawatan Hospital Sungai Siput	Peg Perubatan/ Peg Farmasi/Peg Sains/ Paramedik/ Sokongan I &II		5	25	30

17	Kursus Nursing Audit Bil 1/2016	1 hari	16/2/16 (1 Hari) Hospital Sungai Siput	Unit Kejururawatan Hospital Sungai Siput	Ketua Jururawat/ Jururawat Terlatih/ Jururawat Masyarakat	0	26	0	26
18	Kursus Nursing Audit Bil 2/2016	1 hari	7/2016 (1 Hari) Hospital Sungai Siput	Unit Kejururawatan Hospital Sungai Siput	Ketua Jururawat/ Jururawat Terlatih/ Jururawat Masyarakat	0	25	0	25
19	Kursus BLESS Bil 1/201	1 hari	7/5/2016/ Dewan CME Hospital Sungai Siput	Unit Kejururawatan Hospital Sungai Siput	Ketua Jururawat/ Jururawat Terlatih/ Jururawat Masyarakat	0	30	0	30
20	Kursus Penyusuan Susu Ibu	1 hari	3/2016 Dewan CME Hospital Sungai Siput	Unit Kejururawatan Hospital Sungai Siput	Peg Perubatan , Peg Farmasi, Pen Peg Perubatan, Jururawat, Jururawat Masyarakat, Pembantu Tadbir	5	20	5	30
21	Kempen Hand Hygiene	1 hari	5/5/2016 (1 hari) Hospital Sungai Siput	Unit Kejururawatan Hospital Sungai Siput	Peg Farmasi, Pen Peg Perubatan, Jururawat, Jururawat Masyarakat, Pembantu Tadbir		30	20	50
22	Kursus Pain as 5 th Vital Sign	1 hari	36/2015/ Dewan CME Hospital Sungai Siput	Unit Kejururawatan Hospital Sungai Siput	Ketua Jururawat / Jururawat Terlatih/ Jururawat Masyarakat	5	15	10	30
23	Kursus Nursing Process	1 hari	11/6/2015 Dewan CME Hospital Sungai Siput	Unit Kejururawatan Hospital Sungai Siput	Ketua Jururawat / Jururawat Terlatih/ Jururawat Masyarakat M / Jururawat	0	26	0	26
24	Kursus Mentoring Bil 1/2015	1 hari	23/3/2015 Dewan CME Hospital	Unit Kejururawatan Hospital Sungai Siput	Jururawat, Jururawat Masyarakat	0	30	0	30

			Sungai Siput						
PEGAWAI PERUBATAN									
25	Bengkel Perancang Keluarga Peringkat Negeri Perak	2 hari	1-3/9/16 Coral Bay, Pangkor	Jabatan Obstetik HRPB Ipoh	Pegawai Perubatan	1	0	0	0
26	Perak Advanced Life Support Workshop 2015	2 hari	23-24.8.2016 HRPB Ipoh	Jab. Kecemasan Dan Trauma HRPB Ipoh	Pegawai Perubatan	1	0	0	0
27	Training of Trainer CPG For Management of Neonatal Jaundice	1 hari	11/10/16, H RPB Ipoh	Jabatan Paediatric HRPB, Ipoh	Pegawai Perubatan	1	0	0	0

9.3 Latihan Pos Basik

Pada tahun 2016, seramai 2 orang anggota hospital telah mengikuti kursus pengkhususan / Diploma Lanjutan Pos Basik dalam dua (2) disiplin seperti yang dinyatakan di bawah:-

PENGAMBILAN PELATIH ANGGOTA HOSPITAL UNTUK MENGIKUTI LATIHAN POS BASIK

Bil	Disiplin	2016	Tempoh Pengambilan
1	KECEMASAN	1	1.3.2016 – 31.8.2016
2	DIPLOMA LANJUTAN KEBIDANAN	1	1.9.2016 – 31.8.2017

9.4 CONTINUING AND PROFESIONAL DEVELOPMENT (CPD)

CPD adalah aktiviti berkonsepkan pembelajaran secara berterusan bertujuan untuk meningkatkan ilmu, kemahiran dan pengalaman anggota. Aktiviti berkenaan tidak termasuk senarai tugas harian dan melibatkan aspek pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti aktiviti ini akan diberikan mata kredit seperti yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling KPK Bilangan 4 Tahun 2007. Kaedah CPD pada masa kini mengukur aspek Kompetensi Fungsional.

Satu jawatankuasa CPD telah ditubuhkan bagi memantapkan lagi pengurusan CPD Hospital Sungai Siput. Setiap Skim Perkhidmatan telah dilantik seorang Penyelaras bagi memantau tahap pencapaian CPD bagi setiap kategori jawatan. Jawatan sedia ada yang menggunakan Sistem CPD di Hospital Sungai Siput adalah Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi, Jururawat, Jururawat Masyarakat, Penolong Pegawai Perubatan, Pegawai Sains, Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Penolong Pegawai Rekod Perubatan, Juruteknologi Makmal Perubatan, Penolong Pegawai Farmasi juga telah menggunakan Sistem CPD.

LAPORAN PENCAPAIAN CPD MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN

Bil	Jawatan	Gred Hakiki	Bilangan	Aras IV	Aras III	Aras II	Aras 1
1.	Pengarah Hospital	UD54	1	1			
2.	Pegawai Perubatan	UD52	2	1		1	
3.	Pegawai Perubatan	UD48	1	1			
4.	Pegawai Perubatan	UD44	10	7	3		
5.	Pegawai Sains (Kimia Hayat)	C41	1	1			
6.	Pegawai Farmasi	U48	4	4			
7.	Pegawai Farmasi	U41/U44	8	8			
8.	Juruteknologi Makmal Perubatan	U32	1	1			
9.	Juruteknologi Makmal Perubatan	U29	7	4	3		
10.	JuruXray	U32	1	1			
11.	JuruXray	U29	2	1	1		
12.	Penolong Pegawai Perubatan	U32	4	4			
13.	Penolong Pegawai Perubatan	U29	12	8	5	1	
14.	Penolong Pegawai Farmasi	U32	1	1			
15.	Penolong Pegawai Farmasi	U29	6	6			
16.	Penyelia Jururawat	U36	2	2	2		
17.	Jururawat	U32	7	7			

18.	Jururawat	U29	61	52	9		
19.	Jururawat Masyarakat	U24	1		1		
20.	Jururawat Masyarakat	U19	17	13	4		
21.	Penolong Jururawat	U14	1	1			
22.	Penolong Pegawai Penyediaan Makanan	C29	1	1			
23.	Penolong Pegawai Tadbir (RekodPerubatan)	N29	1		1		
24.	Jurupulih CaraKerja	U29	2	2			
25.	Jurupulih Anggota	U29	1	1			

9.5 Program Transformasi Minda (PTM).

Program Transformasi minda merupakan program menyeluruh bagi menilai dan membangun kompetensi dan potensi pegawai bagi melaksanakan tanggungjawab di gred yang lebih tinggi. Ia juga merupakan usaha bagi melahirkan pegawai yang berprestasi tinggi. PTM terbahagi kepada Penilaian Kompetensi dan Potensi (PKP) dan /atau Pembangunan Kompetensi dan Pontensi (BKP).

Senarai Jawatan Yang Telah Menghadiri Program Transformasi Minda(PTM) Tahun 2016

Bil	Jawatan	2016
1	TIADA	TIADA

9.6 Kursus Yang Telah Dihadiri Oleh Anggota Hospital Sungai Siput pada Tahun 2016

BIL	NAMA KURSUS	TEMPOH	KEHADIRAN ANGGOTA	P & P	SOK 1	SOK 2
1	SEMINAR UJIAN SARINGAN PENDENGARAN BAYI BARU LAHIR	25.7.2016	2	1	1	
2	KURSUS CPG FOR MANAGEMENT OF NNJ	25.7.2016	3	1	2	
3	KURSUS TATACARA PENGURUSAN PELUPUSAN ASET	27.7.2016	6	4	2	
4	KURSUS TRIAGE	28.7.2016	1		1	
5	KURSUS PEMANDUAN BERHEMAH	2-3.8.2016	2			1
6	KURSUS PENGURUSAN TB UTK PARAMEDIK	4.8.2016	3		3	

7	SEMINAR IBADAHKAN TUGAS RASMI KITA	5.8.2016	5		2	3
8	KURSUS PERUBATAN PALIATIF	9.8.2016	2	2	3	
9	KURSUS PRE HOSPITAL CARE	9-11.8.2016	2		2	
10	SAMBUTAN MINGGU PENYUSUAN SUSU IBU	10.8.2016	20		10	10
11	KURSUS TB UTK MO	10.8.2016	1	1		
12	KURSUS APLIKASI MICROSOFT EXCEL	16-18.8.2016	1		1	
13	KURSUS CPG OF AUTISME SPECTRUM DISORDER IN CHILDREN	17.8.2016	2	1	1	
14	KURSUS ZIKA PREPAREDNESS	17.8.2016	2		2	
15	BENGKEL JK PROMOSI KESEDARAN AWAM PERKHIDMATAN KECEMASAN	18.8.2016	1		1	
16	PROGRAM HENTIKAN PENDERAAAN PERINGKAT NEGERI PERAK	20.8.2016	5		5	
17	KURSUS PAEDIATRIC ADVANCED LIFE SUPPORT	23-24.8.2016	1	1		
18	BENGKEL PERANAN JURUPULIH CARAKERJA DALAM PENGURUSAN PESAKIT KARDIAK	23.8.2016	1		1	
19	KURSUS PENGENDALIAN PENYAKIT KUSTA	23.8.2016	3		3	
20	KURSUS BASIC EMERGENCY ULTRASOUND	24.8.2016	1	1		
21	KURSUS UPDATE HEMODIALISIS	28.8.2016	2			2
22	KURSUS LATIHAN DOKUMENTASI KLINIKAL UNTUK PEGAWAI PERUBATAN	26.8.2016	2	2		
23	KURSUS URUS WANG BIJAK BELANJA SR 2	1.9.2016	1			1
24	BENGKEL TOT FAMILY PLANNING	1-3.9.2016	1	1		
25	PHIS CPS	20-21.9.2016	2	2		
26	KURSUS VERIFIKASI STOR KKM	4-6.9.2016	3	1	2	
27	SEMINAR DEMENTIA UPDATE	9.9.2016	1	1		
28	KURSUS PENGURUSAN HEART DISEASE	9.9.2016	1	1		
29	BENGKEL ACTION RESEARCH	19-22.9.2016	4	2	2	
30	KURSUS ADVANCE LIFE SUPPORT	20-21.9.2016	1	1		
31	KURSUS ENHANCING WORKER THROUGH PROPER ERGONOMIC	22.9.2016	1		1	
32	KURSUS TRIAGE	22.9.2016	3	1	2	
33	LATIHAN SIMULASI	23.9.2016	2		2	
34	KURSUS TRANSFORMASI DIRI DLM ORGANISASI	26.9.2016	1			1
35	PALIATIF CANCER PAIN	26.9.2016	2	2		
36	KURSUS PHC PPK DAN PKB PERINGKAT NEGERI PERAK	27-29.9.2016	1			1
37	TAKLIMAT PENGUMPULAN DATA PESAKIT DI HOSPITAL KLUSTER	27.9.2016	6	1	5	
38	2016 NCORT RESUSCITATION GUIDELINES UPDATE	28.9.2016	3	1	2	
39	TAKLIMAT GGM BIL 3/2016	28.9.2016	2	1	1	
40	KURSUS NUTRITION SUPPORT IN PAEDIATRICS	29.9.2016	4	2	2	
41	KURSUS PERASA	30.9-3.10.16	3		3	
42	KURSUS SAFE TRANSFUSION PRACTICE	5-6.10.2016	2		2	
43	KURSUS PRMGURUSAN PREGNANCY INDUCED HYPERTENSION	10.11.2016	4	1	3	
44	KURSUS PEMBEDAHAN PLASTIK	11.11.2016	3	1	2	
45	KURSUS CPG ON TYPE 2 DM AND CKD	14.11.2016	5	2	3	

9.7 Anggota Yang Menghadiri Kursus Sehingga Disember 2016

BIL	GRED/ KUMPULAN	BIL PERJAW ATAN	*BIL ANGGOT A	KURSUS PENDEK			BIL ANGGOTA YANG HADIR KURSUS PANJANG>3 BULAN (d)
				BIL ANGGOTA YANG HADIR> 7 HARI SETAHUN (a)	BIL ANGGOTA YANG HADIR< 7 HARI SETAHUN (b)	** BIL. ANGGOTA YANG TIDAK HADIR BERKURSUS (c)	
1	PengurusanTe tinggi	0	0	0	0	0	
2	Pengurusan& Profesional	27	27	24	3	0	
3	Sokongan I (Gred 17-40)	168	162	135	27	0	2 - (1) hadir 6 bulan - (1) hadir 1 tahun
4	Sokongan II (Gred 1-16)	89	80	22	58	0	

Unit Latihan Hospital Sungai Siput tidak mencapai 100% bagi setiap anggota Hospital berikut Surat Edaran Penangguhan Penguatkuasaan Perlaksanaan Dasar Berkursus 7 hari Setahun Bagi Anggota Perkhidmatan Awam.

10. TATATERTIB DAN SURCAJ

Unit Sumber Manusia juga bertindak sebagai Urus Setia Lembaga tatatertib dan memantau pelaksanaan urusan tatatertib di Peringkat PTJ. Sepanjang tahun 2016, Unit Sumber Manusia tiada urusan tatatertib dan surcaj terhadap pegawai yang berkhidmat di HSS cuma dikeluarkan surat tunjuk sebab bagi pegawai yang bermasalah kad perakam waktu.

11. MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) HSS dianggotai oleh 36 orang ahli dari pihak pengurusan dan pekerja termasuk seorang Pengerusi iaitu Pengarah Hospital sendiri. Daripada jumlah tersebut, seramai 22 ahli mewakili wakil Majikan dan 13 ahli mewakili pekerja yang lantik dari setiap skim perkhidmatan yang ada di HSS.

Pada tahun 2016, sebanyak tiga (3) kali mesyuarat MBJ telah diadakan dengan di pengerusikan sendiri oleh Pengarah Hospital mengikut jadual suku tahunan yang ditetapkan. Bagi tahun 2016, sebanyak 31 isu telah dibangkitkan. Pecahan isu yang dibangkit mengikut kategori bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

ISU – ISU MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

BIL	PENGKELASAN	ISU SELESAI	ISU DALAM TINDAKAN	JUMLAH ISU
1	ELAUN DAN KEMUDAHAN	0	0	0
2	KEWANGAN	1	0	1
3	PERKHIDMATAN	16	2	18
4	SKIM PERKHIDMATAN DAN JAWATAN	2	0	2
5	KEBAJIKAN	3	0	3
6	PENTADBIRAN	7	0	7
7	LAIN - LAIN	0	0	0
JUMLAH		29	2	31

12. PERKHIDMATAN PENGURUSAN

Objektif utama Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) adalah untuk menyediakan khidmat sokongan dan nasihat yang cekap dan berkesan dalam pengurusan agar semua aktiviti dalam Hospital Sungai Siput boleh dilaksanakan secara professional ke arah mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan. BKP juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan dapat disediakan bagi membolehkan setiap bahagian berfungsi dengan baik.

12.1 Pengurusan Personel

Bahagian Khidmat Pengurusan bertanggungjawab dalam menguruskan semua urusan berkaitan dengan perkhidmatan bagi 269 anggota di Hospital Sungai Siput yang terdiri daripada pelbagai bidang seperti yang diringkaskan di Jadual berikut:

**BILANGAN ANGGOTA DI HOSPITAL SUNGAI SIPUT MENGIKUT KATEGORI
PADA TAHUN 2016**

BIL	KATEGORI	BILANGAN
1.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional	26
2.	Kumpulan Sokongan	242
3.	Anggota Secara Pentadbiran	1
	JUMLAH	269

Aktiviti teras bahagian ini termasuklah menyediakan dan merekodkan perubahan laporan bagi memproses tarikh pengesahan lantikan dan memperakukan tarikh pengesahan perkhidmatan, persaraan, taraf berpencen dan menamatkan perkhidmatan. Prestasi setiap aktiviti adalah seperti di Jadual berikut:-

**A) PRESTASI PENCAPAIAN MENGIKUT AKTIVITI PENGURUSAN PERSONEL
BAGI TAHUN 2016**

BIL	AKTIVITI	PRESTASI
1.	Menyedia dan merekod laporan perubahan (KEW.8)	269 laporan
2.	Merekod hal-hal perkhidmatan	350 laporan
3.	1. Memproses tarikh lantikan 2. Perakuan dan pengesahan dalam perkhidmatan 3. Pemberian taraf berpencen	19 personel
4.	Memproses kertas persaraan wajib / pilihan bagi pegawai-pegawai yang bersara	Wajib – 1 Pilihan - 1

Di bawah bidang tugas pengurusan personel, BKP dilantik sebagai urusetia beberapa jawatankuasa utama yang berkaitan dengan urusan perkhidmatan anggota. Salah satunya adalah Panel Pembangunan Sumber Manusia yang bersidang secara berkala bagi membincangkan pelbagai isu termasuklah kajian dan pergerakan gaji tahunan, pemilihan penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan pemberian anjakan gaji kepada anggota yang layak. Aktiviti – aktiviti panel bagi tahun 2015 telah dirumuskan dalam jadual berikut:

B) RINGKASAN AKTIVITI PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA, 2016


BIL	AKTIVITI	PRESTASI
1.	Bersidang sekali untuk membincangkan dan memperakulkan Pergerakan gaji bagi anggota yang menghantar Laporan Nilaian Prestasi	269 anggota
2.	Bersidang 2 kali untuk pemilihan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	21 orang dipilih dari 269 anggota

C) RINGKASAN AKTIVITI KUALITI DAN PENTADBIRAN AM

BIL	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	Kawalan Keselamatan <ul style="list-style-type: none"> • Perlantikan Syarikat Keselamatan 	Pada 16 Oktober 2014 Syarikat Muhibbah Security S/B telah mengambil alih dan aktif sehingga 16 Oktober 2016.

	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran pas / tag keselamatan • Penggunaan pintu keselamatan 	<p>Penggunaan kad keselamatan kepada semua anggota hospital.</p> <p>Dipasang di setiap unit bagi tujuan keselamatan.</p>
2.	Pengurusan fail	<ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran fail - Fail Peribadi - Fail terbuka - Fail terperingkat - Permohonan pelupusan fail
3.	Pengurusan Surat Menyurat	<ul style="list-style-type: none"> - 3806 surat telah diterima, disimpan dan diedar - Surat tempatan : 320 - Surat berdaftar : 385 - Pos Laju : 144 - Bungkusan : 32

Graf Pengurusan Surat Menyurat



13. PERHIMPUNAN BULANAN

Untuk tahun 2016, perhimpunan telah diadakan sebanyak 12 kali. Setiap perhimpunan akan diuruskan oleh setiap unit mengikut yang telah ditetapkan. Pengarah, Ketua – ketua bahagian, Ketua-ketua Unit dan semua anggota Hospital Sungai Siput serta wakil Edgenta Sdn. Bhd. yang berkelapangan telah hadir pada setiap perhimpunan bagi mendapat maklumat terkini.

Sesi yang dimuatkan adalah seperti berikut :-

- Bacaan Doa
- Lagu Negaraku dan lagu-lagu patriotik
- Ikrar Perkhidmatan Awam
- Renungan Pagi
- Pekeliling Perkhidmatan Awam
- Pengumuman Anggota Bertukar Keluar dan Masuk
- Berita Semasa
- Ucapan dari Ketua-Ketua Unit
- Perutusan Pengarah
- Sambutan Ulangtahun Kelahiran Anggota
- Penyampaian cenderahati dari Kelab Sukan dan BAKIP

Jadual Perhimpunan

BULAN	UNIT
JANUARI	WAD 2
FEBRUARI	JAB. PESAKIT LUAR
MAC	WAD 3
APRIL	WAD 1
MEI	A & E / PEMANDU
JUN	HAEMODIALISIS/ X-RAY
JULAI	WAD 4
OGOS	PENGURUSAN
SEPTEMBER	FARMASI/STOR
OKTOBER	SAJIAN / REKOD
NOVEMBER	KLINIK PAKAR/OT/CSSU
DISEMBER	PATOLOGI/FISIO


14. PENGURUSAN KUARTERS KERAJAAN PERSEKUTUAN

Sepanjang tahun 2016, Unit Pentabiran Hospital Sungai Siput telah menguruskan kuarters Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Jadual di bawah menunjukkan bilangan kuarters – kuarters yang terlibat :-

BILANGAN KUARTERS KERAJAAN PERSEKUTUAN DI HOSPITAL SG SIPUT

BIL	KELAS KUARTERS	BILANGAN RUMAH DIDUDUKI	PENGISIAN	KOSONG
1	KELAS C	7	5	2
2	KELAS D	2	2	0
3	KELAS F	8	5	3
4	KELAS G	23	15	8

KEDUDUKAN KUARTERS HOSPITAL SUNGAI SIPUT



Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan telah diadakan sebanyak 2 kali pada tahun 2016 :

1. 06.04.2016
2. 07.10.2016

15. MENGURUSKAN KENDERAAN JABATAN/ KAD MINYAK DAN KAD TOUCH & GO HOSPITAL SUNGAI SIPUT

Sehingga 31 Disember 2016, Hospital Sungai Siput telah mendapat 2 buah lagi kenderaan rasmi jabatan iaitu Van Mayat (Toyota Hiace) dan Kenderaan Spanco Proton Preve. Ini menjadikan kenderaan jabatan sebanyak 16 buah kenderaan termasuk ambulan sehingga hujung tahun 2016.

16. MENGURUSKAN AHLI LEMBAGA PELAWAT

Ahli Lembaga Pelawat Hospital telah dilantik oleh KKM oleh Menteri Kesihatan dari 1 Januari 2014 dan berakhir pada 31 Disember 2016. Terdiri dari 19 orang NGO yang sentiasa aktif menyumbang khidmat dan bakti kepada orang awam khususnya kepada Hospital Sungai Siput. Di samping itu Ahli Lembaga Pelawat turut membuat lawatan ke wad-wad pada setiap kali selepas mesyuarat untuk meninjau kebersihan, keselamatan, komunikasi petugas dengan pesakit dan masalah-masalah yang dihadapi sekiranya ada untuk dibawa ke perbincangan dalam mesyuarat yang diadakan.

Aktiviti Yang Dijalankan Pada Tahun 2016

BIL.	TARIKH	AKTIVITI
1	6.1.2016	Sumbangan Set TV untuk wad kanak-kanak.
2	27.1.2016	Sumbangan cenderahati kepada pesakit-pesakit di wad sempena Tahun Baru Cina.
3	22.4.2016	Kempen Kesihatan Sedunia peringkat Hospital Sungai Siput.
4	7.2016	Aktiviti sumbangan cenderahati kepada pesakit-pesakit di 4 wad dan pesakit di Unit Haemodialisis sempena Hari Raya pada 20/6/2016

5	8.2016	Pembelian tv untuk Unit Haemodialisis dan kipas berdiri untuk wad-wad.
6	12.8.2016	Menyertai Program Sambutan Merdeka peringkat HSS
7	9.2016	Sumbangan 2 unit Kerusi Batu bagi kegunaan orang awam dan anggota.
8	12.2016	Sumbangan bagi Program Kempen Derma Organ di Tapak Pasar Tani.
		Sungai Siput pada 8 Oktober 2016
9	10.2016	Aktiviti sumbangan cenderahati kepada pesakit-pesakit di 4 wad
		dan pesakit Haemodialysis sempena Hari Deepavali
10	10.2016	Sumbangan bagi Program Gotong Royong Perdana HSS

17. PENGURUSAN ADUAN

Unit Pentadbiran juga menguruskan aduan dari orang awam. Bagi tahun 2016 jumlah keseluruhan adalah sebanyak 11 aduan dan kesemuanya telah dimasukkan ke dalam Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA).

Diantara kategori aduan yang diterima seperti berikut:-

- Perkhidmatan yang tidak memuaskan
- Layanan Kasar Anggota
- Komunikasi yang kurang berkesan
- Rawatan terlalu lama
- Kelalaian anggota bertugas.

Walau bagaimanapun kesemua aduan telah dapat diselesaikan dengan penambahbaikan perkhidmatan dan kaunseling bagi anggota yang terlibat.

18. PENGURUSAN HARI BERTEMU PELANGGAN

Hospital Sungai Siput telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan pada hari rabu minggu pertama setiap bulan. Ianya bertujuan bagi mengetahui sejauh mana perkhidmatan yang telah diberikan dan menerima cadangan serta teguran dari orang awam. Petugas yang terlibat terdiri dari Ketua Unit dan pelbagai jawatan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Lokasi Hari Bertemu Pelanggan adalah di luar Unit Pesakit Luar di mana terdapat ramai orang awam yang sedang menunggu giliran bagi mendapatkan rawatan.

Laporan Hari Bertemu Pelanggan disediakan dan ditandatangani oleh petugas untuk diserahkan kepada Unit Pentadbiran.

19. PENGURUSAN KAD PERAKAM WAKTU

Unit Pentadbiran juga bertanggungjawab dalam pengurusan kad perakam waktu bagi keseluruhan anggota Hospital Sungai Siput. Semua laporan akan dikumpul dan dihantar ke JKN Perak mengikut suku tahun. Setiap pergerakan mengetik kad akan dipantau oleh petugas yang dilantik dan disahkan oleh Ketua Unit masing-masing.

20. PENGURUSAN STOR ALAT TULIS DAN STOR ALAT CETAK

Stor Alat Tulis dan Alat Cetak di uruskan oleh seorang Pembantu Tadbir N19 yang meliputi keseluruhan berjumlah 128 item bagi keperluan semua unit. Segala permohonan hanya boleh diluluskan oleh Pengarah atau Penolong Pegawai Tadbir. Pembantu Tadbir bertugas akan memantau penggunaan peralatan tersebut bagi mengimbangi kadar pusingan stok.

Penggunaan Alat Cetak termasuk:-

- Slip ubat
- Resit Bayaran RM1.00
- Resit Bayaran RM5.00
- Resit Bayaran RM15.00
- Resit Bayaran RM50.00
- Resit Kew.38
- Buku MC
- Dan lain-lain percetakan termasuk borang-borang

21. PENGENDALIAN MAJLIS – MAJLIS RASMI JABATAN BAGI TAHUN 2016

AKTIVITI MAJLIS RASMI JABATAN

BIL	AKTIVITI
1	Majlis pemberian Hamper oleh ALP sempena Hari Raya Cina pada 4/2/16
2	Lawatan Kerja KSU ke Hospital Sungai Siput
3	Lawatan Isteri Menteri Besar Perak
4	Lawatan Kerja Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perak pada 1/2/16
5	Lawatan Delegasi Thailand pada 2/3/16 di Taiping.
6	Majlis Berbuka Puasa dan Solat Sunat Terawih
7	Majlis Jamuan Hari Raya
8	Sambutan Kibaran Jalur Gemilang
9	Majlis Gotong Royong Perdana Sungai Siput
10	Majlis Persaraan Bagi Anggota Sungai Siput

Secara kesimpulannya Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia adalah memainkan peranan yang penting dalam Pengurusan Perkhidmatan Hospital.